

# Tidak pernah tetap tarikh Anwar jadi PM

**KUALA NERUS 23 Sept.** - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak pernah menetapkan sebarang tarikh tertentu berhubung penyerahan jawatan Perdana Menteri kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Penasihat Khas Media dan Komunikasi Perdana Menteri, Datuk A. Kadir Jasin berkata, tiada apa-apa dokumen perjanjian yang menyatakan Anwar perlu menjadi Perdana Menteri

Ke-8 Malaysia pada tahun depan mahu pun garis masa lain.

"Itu tidak betul, kita tidak menetapkan tarikh malah dalam semua dokumen tidak dinyatakan tahun 2020 ke atau 2030 kerana kita tidak pernah ada tarikh pun.

"Tun Dr. Mahathir Mohamad kata beliau akan menunaikan janji tersebut," katanya kepada pemberita selepas Program Sepagi di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar.

Baru-baru ini Anwar ketika ditemu bual *Bloomberg* berkata, beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri sekitar Mei 2020.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu turut dilaporkan berkata, beliau tidak akan terlalu cerewet mengenai tempoh tepat pengambilalihan tersebut.